# MANUAL PENGGUNA

## PANDUAN PENDAFTARAN MySPR

## (PENGGUNA AWAM)

# SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
# (SPR)

# KANDUNGAN

**PERKARA** **MUKA SURAT**

1.0 PRA-SYARAT ........ 1

2.0 PERMOHONAN AKAUN BAHARU ........ 4

3.0 PENGAKTIFAN AKAUN PENGGUNA MySPR ........ 12

4.0 LOG MASUK ........ 18

5.0 DASHBOARD PENGGUNA ........ 19

6.0 KEMAS KINI PROFIL ........ 21

7.0 TUKAR KATA LALUAN ........ 23

8.0 PERMOHONAN PENDAFTARAN ........ 25

9.0 LOG KELUAR ........ 34

10.0 PERTANYAAN ........ 36

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

## KETERANGAN VERSI DOKUMEN

| VERSI | KETERANGAN | TARIKH |
|---|---|---|
| **1.0** | Manual Pengguna | 20-10-2022 |
| **1.1** | Dokumen telah dikemaskini mengikut sistem MySPR terkini. | 23-08-2024 |
| **2.0** | BPM telah bersetuju manual pengguna berdasarkan maklum balas diperolehi daripada BPM pada 14-10-2024 | 14-10-2024 |

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

# 1.0 PRA-SYARAT

## 1.1 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENDAFTAR SEBAGAI PEMILIH ADALAH SEPERTI BERIKUT:

a. Seorang warganegara Malaysia;

b. Telah mencapai umur 18 tahun dan ke atas;

c. Bermastautin di bahagian pilihan raya yang ingin didaftarkan; dan

d. Tidak dihalang/hilang kelayakan oleh undang-undang yang berkuatkuasa;

## 1.2 MAKLUMAT TAMBAHAN SEMASA PENDAFTARAN MySPR

e. No. Perkhidmatan Polis / Tentera (Jika Berkenaan);

f. Nombor Telefon Bimbit yang sah;

g. E-mel yang sah;

h. Alamat Seperti Dalam Kad Pengenalan / Tempat Bertugas

i. Gambar depan Kad Pengenalan (MyKad / MyTentera / Kad Kuasa Polis)

<table>
<tr>
<td>Awam (MyKad)</td>
<td>
</td>
</tr>
</table>

**HAKCIPTA TERPELIHARA**

Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

| | |
|---|---|
| **Tentera (MyTentera)** |  |
| **Polis (Kad Kuasa Polis)** |  |
| **Polis (Kad Kuasa Polis)** |  |

**Nota**: (Format dibenarkan : JPG, JFIF, PNG)

j. Gambar swafoto (*selfie*) bersama MyKad / MyTentera / Kad Kuasa Polis;

| | |
|---|---|
| **Awam** |  |

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

| | |
|---|---|
| **Tentera** |  |
| **Polis** |  |
| **Polis** |  |

**Nota**: Swafoto (*selfie*) ini hendaklah dilakukan dengan berpakaian sopan.

(Format dibenarkan : JPG, JFIF, PNG)

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

# 2.0 PERMOHONAN AKAUN BAHARU

Untuk melakukan sebarang transaksi menggunakan sistem MySPR, adalah penting bagi setiap pengguna untuk mempunyai akaun MySPR. Sekiranya anda tidak mempunyai sebarang akaun pengguna, anda perlu mengikuti beberapa langkah untuk mendaftar akaun baharu ke proses Log Masuk sistem.

Untuk mendaftar akaun baharu, langkah-langkahnya adalah seperti berikut:

a. Sila layari laman web rasmi MySPR di https://myspr.spr.gov.my.

b. Skrin **Log Masuk Akaun** MySPR akan dipaparkan.

c. Klik pada butang **[PERMOHONAN AKAUN BAHARU].**





**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

d. Skrin Permohonan Akaun Pengguna akan dipaparkan.




e. Cara-cara mengisi maklumat permohonan akaun pengguna seperti berikut:

**Nota:** Yang bertanda * adalah wajib diisi.

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

i. Masukkan **Nama** seperti dalam kad pengenalan.

ii. Masukkan **No. Kad Pengenalan** 12 digit.

iii. Bagi pemohon berstatus **Polis** atau **Tentera**, masukkan **No. Perkhidmatan** pada medan yang disediakan.

iv. **Tarikh Lahir** akan dijana secara automatik. Sekiranya berbeza, pengguna boleh menukarkan kepada tarikh lahir yang betul.

v. Sila masukkan **No. Telefon Bimbit**.

vi. Sila masukkan **E-mel** yang sah.

vii. Sila masukkan **Kata Laluan** dan **Pengesahan Kata Laluan**.

**Info:** Pengguna hendaklah memasukkan **kombinasi input aksara** yang mengandungi **huruf besar (A-Z)**, **huruf kecil (a-z)**, **angka (0-9)** serta **aksara khas seperti %, *, -, !, / dan lain-lain** sebagai kata laluan pengguna. Input **minimum dua belas (12) aksara** dan maksimum yang dibenarkan adalah **dua puluh lima (25) aksara**.

**Nota:** Ralat akan dipaparkan sekiranya Kata Laluan tidak mengandungi kombinasi huruf besar, huruf kecil, angka dan aksara khas. Kata Laluan dipaparkan dalam format ***** apabila dimasukkan.

viii. Sila pilih **Soalan Keselamatan** dan **Jawapan Keselamatan**.

ix. Masukkan **Alamat Seperti Dalam Kad Pengenalan** yang lengkap seperti dalam kad pengenalan. Untuk melihat cara mengisi alamat, sila klik di pautan Contoh Alamat.

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

# PANDUAN PENGISIAN MAKLUMAT ALAMAT KAD PENGENALAN BAGI PERMOHONAN AKAUN PENGGUNA




**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

x. Sila muat naik **GAMBAR DEPAN MYKAD/KAD KUASA POLIS/MyTENTERA** dan **GAMBAR SWAFOTO (*SELFIE*) BERSAMA MYKAD/KAD KUASA POLIS/MyTENTERA** seperti berikut:

| KATEGORI | GAMBAR DEPAN | GAMBAR SWAFOTO (*SELFIE*) |
|---|---|---|
| **Awam** | MyKad | Bersama MyKad |
| **Tentera** | MyTentera | Bersama MyTentera |
| **Polis** | Kad Kuasa Polis | Bersama Kad Kuasa Polis |

**INFO:**** SILA SWAFOTO (*SELFIE*) DENGAN BERPAKAIAN SOPAN

**(Format dibenarkan : JPG, JFIF, PNG)**

xi. Contoh gambar depan dan gambar swafoto (*selfie*) adalah seperti di bawah:




xii. Masukkan ***CAPTCHA*** yang dipaparkan.

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

xiii. Tandakan ☑ di bahagian deklarasi **'Saya telah membaca syarat-syarat kelayakan untuk mendaftar sebagai pemilih.'** sebagai tanda persetujuan dengan syarat-syarat kelayakan pendaftaran sebagai pemilih.

f. Klik pada butang **[DAFTAR]** untuk menghantar borang pemohonan akaun pengguna.

g. Sistem akan membuat verifikasi dan memaparkan mesej seperti berikut:




h. Klik pada butang **[KEMBALI]** dan skrin **Log Masuk** MySPR akan dipaparkan semula.

i. Satu notifikasi e-mel **Permohonan Akaun Pengguna** akan dihantar ke e-mel yang didaftarkan. Sekiranya tiada e-mel yang diterima di dalam ***inbox,*** sila semak di dalam ***spam.***

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

MySPR

Tuan/Puan,

Dimaklumkan bahawa Permohonan Akaun Pengguna tuan/puan **TELAH DITERIMA DAN SEDANG DISEMAK UNTUK KELULUSAN** oleh Suruhanjaya Pilihan Raya ( SPR ) Malaysia

| Butiran Permohonan Akaun Pengguna | |
|---|---|
| No. Rujukan Pendaftaran | XXXXXXXXXXXXX |
| Nama | XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX |
| No. Kad Pengenalan ( MyKad ) | XXXXXXXXX |
| No. Perkhidmatan Polis / Tentera | |
| Kata Laluan | *** seperti yang dimasukkan semasa permohonan akaun *** |
| No. Telefon | XXXXXXXXXXXXX |

2. Tuan/puan **perlu menyimpan** butiran permohonan akaun ini untuk tujuan pengaktifan. Seterusnya, tuan/puan **akan menerima satu e-mel pengaktifan** setelah SPR meluluskan permohonan tuan/puan dalam masa dan hari yang ditetapkan**

3. Sebarang pertanyaan, sila hubungi hotline SPR di talian +603-8892 7018 dalam waktu pejabat atau melalui sistem aduan di https://www.spr.gov.my/ms/aduan-pertanyaan .

Sekian, terima kasih

Nota: Ini adalah cetakan komputer.
Tiada tandatangan dan maklum balas diperlukan.

**Sila ambil perhatian perkara berikut.

a) Permohonan yang dihantar pada jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari waktu bekerja akan diproses pada hari yang sama sebelum jam 5.30 petang.

b) Permohonan yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari waktu bekerja akan diproses pada hari bekerja berikutnya sebelum jam 5.30 petang.

c) Permohonan yang dihantar pada Sabtu, Ahad atau Hari Kelepasan Am akan diproses pada hari bekerja berikutnya sebelum jam 5.30 petang.

Penafian: E-mel ini dan maklumat yang disertakan adalah untuk tujuan pendaftaran pemilih SPR sahaja. Sebarang salinan semula pengedaran atau tindakan sedemikian untuk tuntutan atau bantahan serta tujuan-tujuan adalah dilarang.

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

Menara SPR, No.2, Jalan P2T, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya, Malaysia

Tel : +603 8892 7200 Faks : +603 8892 7001
Email : webmaster[at]spr[dot]gov[dot]my

j. Pegawai SPR akan membuat pengesahan dan satu e-mel pengaktifan akan dihantar ke e-mel yang didaftarkan mengikut waktu yang telah ditetapkan.

**Sila ambil perhatian perkara berikut.

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

i. Permohonan yang didaftarkan pada jam **8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari bekerja**, permohonan akan diproses pada hari yang sama **sebelum jam 5.30 petang**.

ii. Permohonan yang didaftarkan **selepas jam 12.00 tengah hari bekerja**, permohonan akan diproses **pada hari bekerja berikutnya sebelum jam 5.30 petang**.

iii. Permohonan yang didaftarkan pada **Sabtu, Ahad atau Hari Kelepasan Am**, permohonan akan diproses pada hari **bekerja berikutnya sebelum jam 5.30 petang.**

**Penafian:** E-mel ini dan maklumat yang disertakan adalah untuk tujuan **pendaftaran pemilih SPR sahaja**. Sebarang salinan semula pengedaran atau tindakan sedemikian untuk tuntutan atau bantahan serta tujuan-tujuan lain adalah dilarang.

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

# 3.0 PENGAKTIFAN AKAUN PENGGUNA MySPR

a. Pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan menjalankan proses pengesahan sekiranya maklumat yang telah dihantar adalah tepat dan benar untuk pengaktifan akaun pengguna MySPR.

b. Setelah Pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menyelesaikan proses pengesahan maklumat, pemohon akan menerima e-mel iaitu **E-mel Pengaktifan**.

   i. E-mel Pengaktifan:

      Pemohon akan menerima e-mel yang mengandungi pengesahan bahawa akaun MySPR mereka telah berjaya diaktifkan. E-mel ini akan memaparkan maklumat mengenai langkah-langkah yang perlu diambil untuk log masuk pertama kali.

c. Berikut adalah contoh e-mel yang akan diterima oleh pemohon:

HAKCIPTA TERPELIHARA
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

MySPR

Tuan/Puan,

Dimaklumkan bahawa **Permohonan Akaun Pengguna** tuan/puan **TELAH DILULUSKAN**

| Butiran Permohonan Akaun Pengguna | |
|---|---|
| No. Rujukan Pendaftaran | XXXXXXXXXXXXXXXX |
| Nama | XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX |
| No. Kad Pengenalan ( MyKad ) | XXXXXXXXXXXX |
| No. Perkhidmatan Polis / Tentera | |
| No. Telefon | XXXXXXXXXXXX |

2. Sila klik pautan di bawah untuk **MENGAKTIFKAN AKAUN** anda menggunakan **No. Kad Pengenalan**, **Kata Laluan** dan **No. Telefon** yang telah didaftarkan. http://localhost/pendaftaran/pengaktifan/9CD5137C-2393-4A7E-9D39-454DC6C110E1/fef07d1e38c1aa3bb036ed419486a0a41f665fc9?expires=1755502812&signature=f955439468db9d24a2b27e2b77777c4da5680d755c98843787db14ccd3717643 dan seterusnya login masuk ke **Sistem MySPRDaftar** dengan menggunakan **No. Kad Pengenalan** dan **Kata Laluan** yang telah didaftarkan.

3. Sebarang pertanyaan, sila hubungi hotline SPR di talian +603-8892 7018 dalam waktu pejabat atau melalui sistem aduan di https://www.spr.gov.my/ms/aduan-pertanyaan

Sekian, terima kasih

Nota: Ini adalah cetakan komputer.
Tiada tandatangan dan maklum balas diperlukan.

Penafian: E-mel ini dan maklumat yang disertakan adalah untuk tujuan pendaftaran pemilih SPR sahaja. Sebarang salinan semula pengedaran atau tindakan sedemikian untuk tuntutan atau bantahan serta tujuan-tujuan adalah dilarang.

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

Menara SPR, No.2, Jalan P2T, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya, Malaysia

Tel : +603 8892 7200 Faks : +603 8892 7001
Email : webmaster[at]spr[dot]gov[dot]my

d. Untuk mengaktifkan akaun pengguna, sila ikuti langkah-langkah berikut:

e. Klik pada Pautan Pengaktifan:

Sila klik pautan berwarna biru **"MENGAKTIFKAN AKAUN"** untuk proses pengaktifan akaun.

**Nota:**

**i.** Sekiranya pemohon menerima sebarang notifikasi yang menunjukkan masalah berkaitan berikut, sila hubungi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melalui telefon atau e-mel untuk mendapatkan bantuan lanjut.

⚠ Pengguna telah aktif/ Token tidak dapat disahkan. Sila hubungi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

**ii.** Sekiranya pautan pengaktifan tidak diklik, pemohon akan menghadapi ralat semasa cuba log masuk ke akaun pemohon. Ralat tersebut akan menunjukkan bahawa akaun pemohon belum diaktifkan dan memerlukan tindakan lanjut untuk menyelesaikan proses pengaktifan.




**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

f. Skrin **Pengaktifan Akaun Pengguna** akan dipaparkan seperti berikut:




g. Untuk mengaktifkan akaun pengguna, ikuti langkah-langkah berikut:

h. Masukkan No. Kad Pengenalan;

i. Masukkan **Kata Laluan** yang telah didaftarkan sebelum ini.

j. Klik pada butang **[MOHON NO. TAC]** yang diperlukan untuk pengaktifan.

**Nota:** Jika nombor kad pengenalan dan kata laluan yang dimasukkan adalah betul dan tepat, sistem akan menghantar nombor TAC melalui SMS ke nombor telefon bimbit pemohon dan juga melalui e-mel. Nombor TAC ini diperlukan untuk melengkapkan proses pengaktifan akaun.

k. Pemohon akan menerima notifikasi melalui e-mel dan SMS sebagai peringatan mengenai permohonan No. TAC yang telah didaftarkan. Sekiranya anda **tidak menerima** sebarang e-mel di dalam *inbox* anda, sila **semak folder *spam*** kerana e-mel tersebut mungkin telah disaring ke dalam folder tersebut.

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

l. Selepas menerima nombor TAC, ruangan input untuk No. TAC akan dipaparkan di skrin. Pemohon perlu memasukkan nombor TAC yang diterima ke dalam ruangan tersebut.

***Nota**: Masukkan 6 digit nombor TAC*

m. Klik butang **[HANTAR]** untuk meneruskan proses pengaktifan akaun.




n. Berikut adalah contoh e-mel yang akan diterima oleh pemohon:



MySPR

Tuan/Puan,

SPR: No. TAC ialah 291704. Permohonan Akaun Pengguna/960809XX**** pada 23 Aug 2024 04:38:09 PM.

2. Sebarang pertanyaan, sila hubungi hotline SPR di talian +603-8892 7018 dalam waktu pejabat atau melalui sistem aduan di https://www.spr.gov.my/ms/aduan-pertanyaan untuk sebarang pertanyaan atau aduan.

Sekian, terima kasih

Nota: Ini adalah cetakan komputer.
Tiada tandatangan dan maklum balas diperlukan.

Penafian: E-mel ini dan maklumat yang disertakan adalah untuk tujuan pendaftaran pemilih SPR sahaja. Sebarang salinan semula pengedaran atau tindakan sedemikian untuk tuntutan atau bantahan serta tujuan-tujuan adalah dilarang.

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

Menara SPR, No.2, Jalan P2T, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya, Malaysia

Tel : +603 8892 7200 Faks : +603 8892 7001
Email : webmaster[at]spr[dot]gov[dot]my


**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

o. Sistem akan membuat proses verifikasi, dan kemudian skrin **Log Masuk** MySPR akan dipaparkan seperti di bawah:




**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

# 4.0 LOG MASUK

Untuk mengakses atau log masuk akaun pemohon, pemohon perlu mengikut langkah-langkah berikut:

a. Sila masukkan **No. Kad Pengenalan**, **Kata Laluan**, dan ***CAPTCHA*** untuk log masuk ke akaun pemohon, kemudian klik pada butang **[LOG MASUK].**




b. Sistem akan membuat proses verifikasi, dan seterusnya akan memaparkan skrin **Dashboard – Halaman Utama** pemohon.


**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

# 5.0 DASHBOARD PENGGUNA

Dalam konteks **Dashboard – Halaman Utama**, bahagian ini merujuk kepada paparan yang menyediakan maklumat berkaitan dengan pendaftaran pemilih yang terdapat dalam rekod Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Berikut adalah penerangan mengenai *Dashboard* seperti berikut: -

**i. Ringkasan Maklumat Pendaftaran**

Menyediakan ringkasan maklumat pendaftaran pemilih pengguna, termasuk butiran seperti nombor kad pengenalan, nama penuh, dan alamat tempat tinggal. Maklumat ini diambil dari rekod SPR dan menunjukkan status pendaftaran pengguna sebagai pemilih.

**ii. Butiran Tempat Mengundi**

Menyediakan maklumat mengenai tempat mengundi yang telah ditetapkan untuk pengguna, termasuk lokasi dan alamat pusat pengundian. Ini memudahkan pengundi untuk merancang dan mengetahui di mana pengundi perlu mengundi.

a. Setelah log masuk, skrin **Dashboard - Halaman Utama** akan dipaparkan seperti di bawah:

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021



**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

# 6.0 KEMAS KINI PROFIL

Untuk mengemaskini maklumat profil pemohon, sila ikuti langkah-langkah berikut:

a. Sila pilih menu **Profil Saya** dan klik pada menu **Kemas Kini Profil.**




**Nota:** Sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat, sila kemas kini maklumat pada skrin **KEMAS KINI MAKLUMAT AKAUN PENGGUNA**.

b. Berikut adalah medan yang dibenarkan untuk dikemaskini iaitu pada bahagian:

   i. MAKLUMAT PERIBADI PEMILIH,

   ii. LAIN-LAIN MAKLUMAT TAMBAHAN,

   iii. ALAMAT LENGKAP SEPERTI DALAM KAD PENGENALAN / TEMPAT BERTUGAS,

   iv. ALAMAT SURAT MENYURAT dan

   v. GAMBAR MYKAD / MYTENTERA/ KAD KUASA POLIS.

**Nota:** Yang bertanda * adalah wajib diisi.

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021




c. *Scroll* ke bawah dan klik pada butang **[KEMAS KINI]**.


**HAKCIPTA TERPELIHARA**

Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

# 7.0 TUKAR KATA LALUAN

Untuk menukar kata laluan sedia ada, sila ikuti langkah-langkah berikut:

a. Sila pilih menu **PROFIL SAYA** dan klik pada menu **Tukar Kata Laluan.**




b. Sistem akan memaparkan skrin **TUKAR KATA LALUAN**.




c. Isikan Maklumat Kata Laluan Semasa, Kata Laluan Baharu dan Pengesahan Kata Laluan seperti berikut:

i. Taipkan kata laluan semasa dalam ruangan yang disediakan.

ii. Masukkan kata laluan baharu yang ingin pemohon tetapkan.

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

iii. Taipkan semula kata laluan baru untuk memastikan ia betul dan sama dengan kata laluan yang baru dimasukkan.

**Info:** Pengguna hendaklah memasukkan **kombinasi input aksara** yang mengandungi **huruf besar (A-Z)**, **huruf kecil (a-z)**, **angka (0-9)** serta **aksara khas seperti %, *, -, !, / dan lain-lain** sebagai kata laluan pengguna. Input **minimum dua belas (12) aksara** dan maksimum yang dibenarkan adalah **dua puluh lima (25) aksara**.

**Nota:** Ralat akan dipaparkan sekiranya Kata Laluan tidak mengandungi kombinasi huruf besar, huruf kecil, angka dan aksara khas. Kata Laluan dipaparkan dalam format ***** apabila dimasukkan.

d. Klik pada butang **[KEMAS KINI]** untuk menyimpan perubahan kata laluan pemohon.

**Nota:** Dengan melakukan proses ini, **kata laluan baharu akan diaktfikan** dan pemohon akan menggunakan kata laluan tersebut untuk **log masuk** ke akaun pemohon pada masa akan datang.

HAKCIPTA TERPELIHARA
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

# 8.0 PERMOHONAN PENDAFTARAN

Bahagian ini menerangkan mengenai maklumat terperinci status permohonan pendaftaran pengguna, serta akses capaian kepada beberapa dokumen dan sejarah yang berkaitan. Berikut adalah penerangan bagi setiap sub-menu:

### i. Status Saya

Menyediakan paparan status semasa permohonan pendaftaran pemilih seperti maklumat peribadi pemilih dan maklumat daftar pemilih yang telah disahkan.

### ii. Borang A (Pertukaran Bahagian Pilihanraya / Pertukaran Status)

Memaparkan maklumat dan status berkenaan dengan Borang A, yang biasanya digunakan untuk permohonan pertukaran bahagian pilihan raya atau pertukaran status pendaftaran. Bahagian ini membenarkan pemilih untuk mengakses, mengisi, atau mengemaskini Borang A sekiranya perlu, serta menyemak status permohonan berkaitan dengan borang tersebut.

### iii. Sejarah Borang A

Memaparkan rekod sejarah mengenai semua permohonan yang telah dibuat menggunakan Borang A. Ini termasuk tarikh-tarikh permohonan, status, dan sebarang tindakan yang telah diambil. Pemilih boleh merujuk sejarah ini untuk menyemak status terdahulu dan memastikan semua maklumat adalah terkini.

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

a. Untuk memaparkan **Status Saya**, sila ikuti langkah berikut:

1) Sila pilih menu **PENDAFTARAN.** Sistem akan memaparkan sub-menu dan klik pada menu **Status Saya.**




2) Sistem akan memaparkan skrin **Dashboard – Halaman Utama** seperti di bawah.




**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

b. Untuk menukar **Bahagian Pilihanraya** atau **Status**, sila ikuti langkah berikut:

1) Pilih menu **PENDAFTARAN** dan klik pada menu **Borang A ( Pertukaran Bahagian Pilihanraya / Pertukaran Status )** untuk membuat pendaftaran tukar alamat atau tukar status.




**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

2) Sistem akan memaparkan skrin **Borang A** (Pendaftaran Baharu) untuk Pertukaran Bahagian Pilihan Raya / Pertukaran Status seperti di bawah:




**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

3) Dalam skrin Borang A, pemohon perlu memiilih kategori pemilih yang sesuai dengan status pemohon. Berikut adalah panduan untuk melengkapkan maklumat berdasarkan kategori pemohon yang dipilih:

i) Sila pilih **KATEGORI PEMILIH** antaranya:

❖ **Awam**; sekiranya pemohon ingin menukar status dari perkhidmatan polis atau tentera kepada awam.

❖ **Tentera/Polis**; sekiranya pemohon merupakan anggota badan beruniform, seperti tentera atau polis. Sila isikan nombor perkhidmatan tentera atau polis di ruangan yang disediakan.

❖ **Pasangan Tentera/Pasangan Polis PGA**; sekiranya pemohon adalah pasangan kepada anggota tentera atau polis (PGA), pemohon perlulah mengisi nombor perkhidmatan pasangan.

ii) Sila lengkapkan alamat pemohon mengikut kategori yang dipilih. Sekiranya tiada nombor rumah, masukkan simbol '-' sebagai ganti.

❖ **Awam**; masukkan alamat seperti dalam Kad Pengenalan pemohon.

❖ **Tentera/Polis**; masukkan alamat tempat bertugas pemohon.

❖ **Pasangan Tentera/Pasangan Polis PGA**; masukkan alamat tempat bertugas pasangan pemohon.

iii) Sila pilih **Jantina**; Lelaki atau Perempuan.

iv) Sila pilih **Bangsa**; Melayu, Cina, India, Bumiputra Sabah, Bumiputra Sarawak, Iban atau Sea Dayak, Bidayuh atau Land Dayak, Orang Asli (Semenanjung), atau Lain-lain.

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

v) Sila pilih **Agama**; Islam, Kristian, Buddha, Hindu, Sikhism, Tao, Konfusianisma, Bahai, Puak/Suku, Judaism, Lain-lain Agama, Tiada Agama, atau Tiada Maklumat.

c. Tandakan ☑ di bahagian deklarasi **'Saya sedar bahawa penalti kerana membuat pernyataan palsu ialah pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau pemenjaraan dan denda kedua-duanya mengikut seksyen 3(1)(a) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5)'** sebagai tanda persetujuan.

**Nota:** Klik pautan Dasar Privasi untuk memaparkan skrin Dasar Privasi.

d. Klik pada butang **[HANTAR]** untuk menghantar borang A.

**Nota:** Sekiranya ingin menyimpan sebagai draf, klik butang **[SIMPAN DRAF]**.

e. Pengisian Maklumat dan Permohonan No. TAC

i) Ruangan **No. Kad Pengenalan** dan **Kata Laluan** akan dipaparkan.

ii) Masukkan **No. Kad Pengenalan** dan **Kata Laluan** pemohon yang telah didaftarkan sebelumnya

iii) Setelah mengisi maklumat tersebut, klik pada butang **[MOHON NO. TAC]** untuk memohon nombor TAC yang diperlukan untuk proses seterusnya.

HAKCIPTA TERPELIHARA
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021




f. Penerimaan Notifikasi TAC

i) Sistem akan menghantar notifikasi melalui SMS dan e-mel mengenai permohonan No. TAC ke **nombor telefon bimbit** dan **e-mel** yang telah **didaftarkan**.

ii) Sekiranya pemohon tidak menerima e-mel dalam ***inbox***, sila semak folder ***spam*** kerana e-mel tersebut mungkin disaring ke dalam folder tersebut.

g. Pengisian No. TAC

i) Selepas menerima nombor TAC, ruangan untuk memasukkan No. TAC akan dipaparkan.

ii) Masukkan nombor TAC yang diterima dan klik pada butang **[HANTAR]** untuk melengkapkan proses pengesahan.

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021




h. Verifikasi dan Notifikasi

i) Sistem akan menjalan verifikasi maklumat yang telah dihantar.

ii) Setelah selesai, pemohon akan menerima satu notifikasi *flash,* menyatakan bahawa **‘Permohonan Pendaftaran Pemilih telah diterima dan sedang diproses.’** di skrin Sejarah Borang A.

iii) Notifikasi ini memaklumkan pemohon untuk mencetak Borang A sebagai simpanan.

i. Penerimaan Notikasi Pendaftaran

i) Sekiranya pendaftaran Borang A berjaya dihantar, pemohon akan menerima notifikasi melalui e-mel berkaitan pendaftaran tersebut.

ii) Sekiranya tiada e-mel diterima dalam ***inbox***, sila semak folder ***spam*** untuk memastikan e-mel tersebut tidak disaring ke dalam folder tersebut.

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021





**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

# 9.0 LOG KELUAR

Untuk log keluar dari akaun pemohon, klik pada pilihan **'Log Keluar'** yang terdapat pada skrin sistem.

a. Klik pada **Log Keluar**.




b. Paparan Dialog Notifikasi

i. Sistem akan memaparkan dialog notifikasi yang mengesahkan bahawa pemohon sedang dalam proses log keluar. Dialog ini memberi notifikasi atau pengesahan sebelum tindakan log keluar diteruskan.




**Nota:** Klik pada butang **[BATAL]** sekiranya pemohon tidak ingin log keluar.

c. Sahkan Log Keluar

i. Klik pada butang **[Log Keluar]** dalam dialog notifikasi untuk mengesahkan bahawa pemohon ingin log keluar. Setelah proses ini selesai, skrin Log Masuk MySPR akan dipaparkan, menandakan bahawa pemohon telah berjaya log keluar dari akaun pemohon.

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021




**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021

# 10.0 PERTANYAAN

## a. Hubungi Hotline SPR

- Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan, anda boleh menghubungi hotline Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) di talian **+603-8892 7018** pada **waktu pejabat**.

## b. Laman Sesawang

- Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan lain, pemohon juga boleh melayari laman sesawang rasmi SPR di https://www.spr.gov.my.
- Di laman ini, pemohon akan mendapat maklumat terkini serta panduan mengenai proses pilihan raya dan pendaftaran pemilih.

**HAKCIPTA TERPELIHARA**
Manual ini tidak boleh disalin, dihasilkan semula, diterjemah atau ditukarkan kepada sebarang format yang boleh dibaca tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
© Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2021